

**Kesatuan sekerja sahkan 10 anak kapal dan dua juruterbang dalam pesawat hilang**  
**Malaysian Insider**  
**8 Mac, 2014**  
**Oleh Md Izwan**

Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kapal Kabin Malaysia (Nufam) mengesahkan ahli keluarga terdekat gagal menghubungi anak kapal di dalam pesawat MH370 yang hilang.

Nufam berkata sudah menghubungi 10 ahli keluarga anak kapal dan diberitahu gagal untuk mendapatkan sebarang maklum balas.

"Pasukan kami sudah menghubungi ahli keluarga anak kapal terlibat yang bertugas sebagai krew operasi dalam pesawat dan mereka memberitahu gagal menghubungi mereka," kata Nufam dalam satu kenyataan hari ini.

Lagi ahli keluarga yang tiba di KLIA hari ini di Bangunan Sokongan Kemudahan di Zon Sokongan Selatan KLIA. Nufam juga menggesa supaya semua pihak bersama mendoakan keselamatan semua yang berada dalam pesawat tersebut.

"Kami akan menunggu dalam berjaga akan mendoakan yang terbaik," kata Nufam lagi.

Malaysia Airlines (MAS) awal hari ini mengesahkan pesawat MH370 hilang selepas ia terputus hubungan dengan menara kawalan udara.

Seramai 239 penumpang dan anak kapal yang berada dalam pesawat MH370 yang berlepas ke Beijing pagi terdiri daripada 14 warganegara berbeza, antaranya daripada Amerika Syarikat, Kanada, Perancis dan Malaysia.

Ketua Eksekutif Malaysian Airlines, Ahmad Jauhari Yahya dalam sidang media mengesahkan angka tersebut dan memberitahu kenyataan rasmi hanya dikeluarkan pada 8.30 pagi memandangkan pesawat tersebut masih mempunyai baki minyak mencukupi untuk terbang sehingga waktu ini.

"MAS sahkan pesawat MH370 hilang perhubungan dengan pusat kawalan udara Subang pada 2.40 pagi. Bagaimanapun, ia memiliki baki minyak mencukupi terbang ke Beijing," kata Ahmad Jauhari.

Pesawat Boeing 777-200 tersebut berlepas dari Malaysia pada 12.41 pagi.

Ia dijangka mendarat di Beijing pada 6.30 pagi tadi (waktu China) tetapi hilang pada 2.40 pagi.

Pesawat Boeing 777-200 tersebut berusia 11 tahun dan 10 bulan, dedah Ahmad serta menambah tiada penumpang VIP dalam pesawat. – 8 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kesatuan-sekerja-sahkan-10-anak-kapal-dan-dua-juruterbang-dalam-pesawat-hil>